

**LEMBAGA TABUNG AMANAH WARISAN
NEGERI TERENGGANU**

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa bagi yang berkelayakan sahaja bagi memohon jawatan berikut :

Nama Jawatan	:	Ketua Audit Dalam Gred W41
Taraf Jawatan	:	Kontrak
Klasifikasi	:	Audit Dalam
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan Dan Profesional

A. BIDANG TUGAS

1. Melaksanakan pengauditan secara profesional ke atas unit - unit LTAWNT lain berpandukan Akta, Pekeliling, Peraturan dan Undang - Undang kecil yang telah ditetapkan;
2. Menyediakan laporan audit yang berkualiti, tepat, jelas dan mudah difahami. Disamping memastikan khidmat perundingan diberikan untuk menambah nilai dan meningkatkan kualiti pengurusan kewangan dan pentadbiran LTAWNT: dan
3. Memperketatkan kawalan dalaman supaya risiko kesalahan dapat diatasi dan memastikan semua dokumen rasmi LTAWNT disimpan dalam keadaan yang teratur, mudah diperolehi, selamat dan bersistem.

B. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- i. Warganegara Malaysia (keutamaan kepada Rakyat Negeri Terengganu);
- ii. Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- iii. Mempunyai kelayakan sebagaimana berikut :
 - (a) Ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (b) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (c) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
 - (d) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
 - (e) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia;
- iv. Memiliki **Kepujian** (sekurang – kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

- v. Fasih berbahasa Melayu dan Inggeris; dan
- vi. Mempunyai pengalaman sekurang – kurangnya 5 tahun dalam bidang berkaitan.

C. PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi boleh ditetapkan oleh LTAWNT berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

D. TEMPOH KONTRAK

Tempoh tawaran kontrak 1 tahun ATAU tempoh masa yang difikirkan perlu.

E. CARA MEMOHON

1. Syarat – syarat lantikan boleh dimuat turun melalui laman web rasmi Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT).
2. Permohonan hendaklah dimohon secara atas talian di laman web www.ltawnt.gov.my atau mengimbas kod QR di bawah.
3. Pemohon – pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga. Permohonan tuan/puan dianggap gagal sekiranya tidak mendapat sebarang jawapan/maklum balas dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup.

Tarikh Tutup : 16 November 2023

